

**NO. SOALAN : 285**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan secara terperinci usaha kerajaan untuk menangani masalah kos sara hidup rakyat.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kerajaan amat prihatin terhadap kehidupan rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah yang terjejas daripada keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa kini, dsebabkan oleh beberapa factor seperti ketidak tentuan pasaran global, harga bahan mentah seperti minyak dan bahan makanan, yang menyebabkan kos sara hidup terus meningkat. Sebagai kerajaan yang prihatin terhadap situasi ini, Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan rakyat mendapat barang dan perkhidmatan pada yang menasabah agar para peniaga tidak mengambil kesempatan dengan mengenakan harga yang terlalu tinggi ke atas barang dan perkhidmatan semata-mata untuk mengaut keuntungan.

Justeru itu, pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan adalah melalui penguasaan undang-undang dan beberapa program yang mesra rakyat dan peniaga. Melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, Kerajaan telah melaksanakan tindakan pemeriksaan di bawah OPS CATUT di mana sejak 15 Januari 2015 hingga 22 Mac 2016, sebanyak 2,942 notis di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011 telah dikeluarkan terhadap peniaga yang disyaki mencatut. Hasil tindakan ini sebanyak 212 kertas siasatan telah dibuka di mana sebanyak 31 kertas siasatan telah diambil tindakan mahkamah dengan nilai denda keseluruhan berjumlah RM495,500 dan kompaun RM178,000.

Selain itu, Kerajaan juga mewajibkan peniaga runcit meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan atau mempamerkan senarai harga di bawah Perintah Kawalan Harga

(Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993. Pada masa yang sama, program advokasi pematuhan melalui perjumpaan secara bersemuka dengan para peniaga turut diadakan untuk memberi penjelasan dan khidmat nasihat agar memahami dan mematuhi undang-undang.

Dalam memastikan rakyat terus mendapat bekalan barang pada harga yang berpatutan pula, Kempen Penurunan Harga telah dilancarkan oleh Kementerian pada 1 Mac 2015 dan akan terus dilaksanakan. Sebanyak 3,035 cawangan pasaraya besar, pasaraya dan pasar mini di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak turut mengambil bahagian dalam Kempen ini dengan penawaran diskaun sehingga 70% bagi keseluruhan 1,148,404 produk.

Selain itu, Kerajaan meneruskan penyediaan barang keperluan yang lebih murah melalui Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M). Sehingga 19 Februari 2016, sebanyak 185 kedai KR1M dan 30 KKR1M telah beroperasi di seluruh Malaysia.

Bagi memastikan pengguna di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak turut menikmati harga barang kawalan yang sama seperti di kawasan bandar, Kementerian telah melaksanakan Program Penyeragaman Harga sejak tahun 2009. Melalui Program ini, Kerajaan menanggung kos pengangkutan barang-barang keperluan ke kawasan luar bandar bagi memastikan rakyat di kawasan pedalaman boleh mendapatkan barang-barang keperluan iaitu beras, gula, minyak masak, tepung gandum, gas memasak (LPG), petrol RON 95 dan diesel pada harga yang dikawal oleh kerajaan.

Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Mobile KR1M iaitu penyeragaman harga runcit barang GMT (harga kawalan kerajaan), 1MKR (KR1M) dan Coop1Malaysia (SKM). Kerajaan telah menanggung

kos pengangkutan laut dan darat (*door to door*) untuk membawa barang kawalan bersubsidi dari pelabuhan Semenanjung ke pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Labuan dan seterusnya kos pengangkutan darat ke kedai-kedai KR1M dan Kedai Coop1Malaysia. Melalui inisiatif ini, harga jualan barang yang dihantar akan dapat diseragamkan antara kedua-dua negeri dan Semenanjung untuk faedah penduduk Sabah dan Sarawak.

Sebagai sebuah Kementerian yang rapat dengan rakyat negara ini, Kerajaan telah mengambil pendekatan mesra rakyat atau prihatin kepada rakyat (*caring ministry*) dengan menjadikan Kementerian ini sebagai *focal point* atau *main channel* bagi rakyat menyuarakan pandangan, aduan dan apa juar permasalahan yang mereka hadapi. Justeru itu, penyertaan orang ramai sebagai *Friends of KPDKKK* amat digalakkan untuk menjadi mata dan telinga Kerajaan untuk menyebarluaskan maklumat kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang. Ia juga sebagai wadah untuk mendidik masyarakat dan menyebarluaskan ilmu kepenggunaan supaya rakyat memahami hak-hak mereka sebagai pengguna.

Justeru itu, dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, matlamat Kerajaan untuk menangani masalah kenaikan harga barang yang tidak terkawal pada masa ini dapat dicapai. Ia juga akan memperbaiki dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup golongan sasar agar dapat menikmati kesejahteraan hidup.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN : 286**

**Y.B. Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:**

- a) kos senggaraan dan baik pulih Lapangan Terbang KLIA2 sejak ia mula beroperasi sehingga bulan Disember 2015; dan
  
- b) senaraikan jenis kerja yang telah dilaksanakan dan apakah punca-punca kerosakan ini, dan anggaran perbelanjaan setiap tahun untuk tujuan ini.

## **JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sehingga Februari 2016, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah membelanjakan sebanyak RM94 juta bagi menampung kos kerja-kerja baik pulih di KLIA2.
- (b) Kerja-kerja bagi membaik pulih kawasan parkir di klia2 yang terjejas akibat mendap takungan air akan dilaksanakan dari semasa ke semasa sehingga mendapan tersebut mencapai tahap yang stabil. Di antara kerja-kerja yang terlibat dalam menangani masalah pemendapan ini adalah seperti berikut :
  - I) Mengepam air takungan di kawasan yang mendap kurang daripada 30mm;
  - II) Mengorek dan menurap di kawasan yang mendap lebih daripada 30mm;
  - III) Menutup rekahan yang berlaku akibat mendapan; dan
  - IV) Kerja-kerja grouting iaitu memasukkan bahan kimia ke dalam tanah bagi mengisi lompang-lompang yang mungkin wujud di dalam tanah.